

Kerjasama disepakati bukti ASEAN masih teguh

AOIP kekal mekanisme utama dalam pengurusan hubungan

Labuan Bajo (Indonesia): Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 yang berakhir semalam sangat bermakna memandangkan negara anggota berjaya memperkuatkan dan meningkatkan kerjasama serantau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kerjasama disepakati termasuk dalam bidang ekonomi, ekosistem kereta elektrik, pelaksanaan urus niaga mata wang tempatan (mata wang masing-masing negara ASEAN) dan pembayaran digital antara negara agar ASEAN menjadi lebih kukuh.

Bercakap kepada media Malaysia, beliau berkata, pelbagai kerjasama konkrit yang disepakati itu membuktikan ASEAN masih teguh meskipun sesetengah pihak menganggap blok serantau 'agak lemah' dalam menangani cabaran semasa.

Menurut Anwar, pemimpin ASEAN juga bersetuju memastikan 'Pandangan ASEAN Mengenai Indo-Pasifik (AOIP)' kekal



Anwar mempengerusikan Sidang Kemuncak Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) pada Sidang Kemuncak ASEAN 2023 yang turut dihadiri Presiden Indonesia, Joko Widodo di Labuan Bajo, semalam.

(Foto BERNAMA)

sebagai mekanisme utama dalam pengurusan hubungan antara negara di rantau Indo-Pasifik.

Beliau berkata, AOIP lebih seimbang dan mengutamakan keselamatan, kestabilan dan kemakmuran rantau, selain menggalakkan kerjasama terbuka, inklusif dan lebih mampan.

"Pemimpin sepakat mengukuhkan pendirian dan mempertahankan kedudukan ASEAN sebagai zon bebas dan mengelakkan daripada terabit dalam pertarungan kuasa besar," katanya.

Anwar juga berkata, gesaan beliau terhadap penubuhan Dana Monetari Asia untuk mengukuhkan kebergantungan ekonomi

dan jaringan keselamatan di rantau ini menerima sambutan positif ketua negara ASEAN.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak dibincang secara khusus dan masih pada peringkat awal.

Mengenai isu Myanmar, Anwar berkata, pemimpin serantau sepakat mempertahankan prinsip Konsensus Lima Perkara (5PCs) untuk menyelesaikan konflik yang sangat kontroversi dan rumit serta pengurusan bantuan kemanusiaan.

Beliau berkata, kaedah penyelesaian dijalankan berdasarkan hukum antarabangsa dan run-

dingan dengan semua pihak berkepentingan di Myanmar itu adalah untuk menggalakkan kemajuan dalam pelaksanaan 5PCs.

"Pendirian kita lebih jelas kerana menanggukkan penyelesaian isu Myanmar ini memberi beban kepada etnik Rohingya dan juga Malaysia yang mempunyai pelarian yang sudah menecah lebih 200,000," katanya.

Anwar dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berlepas pulang ke Malaysia dari Lapangan Terbang Antarabangsa Komodo kira-kira jam 2 petang semalam.

BERNAMA